



KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia
Aras 12, Blok E7, Kompleks E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62590 PUTRAJAYA

Tel.: 03-8000 8000
Faks: 03-8889 5542

Ruj. Kami : KKM.600-28/2/2 Jld. 7 (18)

Tarikh : 9 Februari 2024

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin Paduka/ Datin/ Tuan/ Puan

KEPERLUAN MEMAKLUMKAN PENGANJURAN PROGRAM BERKHATAN DI LUAR FASILITI KESIHATAN KEPADA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (KKM)

Adalah saya dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin Paduka/ Datin/ Tuan/ Puan, hasil daripada audit berkhatan bagi kanak-kanak lelaki yang telah dijalankan oleh KKM pada cuti persekolahan yang lalu (iaitu pada 14 Disember 2023 sehingga 1 Januari 2024), menunjukkan terdapat peningkatan bilangan kes rujukan ke hospital-hospital KKM bagi kanak-kanak yang mengalami komplikasi selepas berkhatan.
3. Sehubungan itu, dalam usaha KKM memastikan perkhidmatan berkhatan yang selamat disampaikan di lapangan, adalah disarankan agar pihak penganjur program berkhatan secara beramai-ramai (*mass circumcision*) di luar fasiliti kesihatan di negeri YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin Paduka/ Datin/ Tuan/ Puan untuk memaklumkan berkaitan program tersebut melalui QR Code atau pautan yang disertakan di bawah:



<https://me-qr.com/SUam2cDg>

4. Pemakluman ini bertujuan bagi membolehkan KKM mendapat gambaran berkenaan program berkhatan beramai-ramai (*mass circumcision*) dan pemantauan secara menyeluruh dapat dilaksanakan agar insiden komplikasi yang berlaku dapat ditangani dengan sewajarnya. Pihak YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin Paduka/ Datin/ Tuan/ Puan dimohon agar memanjangkan perkara ini kepada fasiliti di bawah pusat tanggungjawab dan exco kesihatan negeri masing-masing.


5. Sebarang maklumat lanjut sila berhubung dengan Unit Audit Klinikal, Cawangan Kualiti Penjagaan Perubatan, Bahagian Perkembangan Perubatan (Dr Faizah Muhamad Zin/ Dr Zawaniah Brukan Ali) di talian 03-88831210/ 1523 atau melalui emel cau.mdd@moh.gov.my. Kerjasama daripada YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin Paduka/ Datin/ Tuan/ Puan amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Yang Hihlas,



DATUK DR MUHAMMAD RADZI BIN ABU HASSAN